


## Ziarah kubur dalam banjir

Walaupun pusara di penuh air akibat banjir yang melanda beberapa Kampung di Kedah, bagi Shamsudin Razak dan isteri Rokiah Dolah tidak melepaskan peluang menziarahi kubur sanak saudara selepas menunaikan solat Aidilfitri di masjid Tengku Abdul Malik, Jalan Dato Kumbang, dekat Alor Star, kelmarin. Keadaan banjir di daerah Pendang dan Kota Star bertambah buruk semalam, manakala daerah Kubang Pasu sudah pulih. Di Pendang 127 keluarga terpaksa dipindahkan apabila air Sungai Pendang dan Sungai Titi Haji Idris melimpah berbanding 38 keluarga kelmarin. Di Kota Star, pula sebanyak 15 pusat pemindahan baru dibuka untuk menempatkan 140 keluarga membabitkan 484 mangsa.



SHAHRIZAL MD NOOR | BERITA HARIAN